

Pakar bedah tempatan lakar sejarah

» Teknologi PEEK baiki struktur soket tulang mata, bahagian muka

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sekumpulan pakar bedah maksilofasial tempatan berjaya melakar sejarah merintis pembedahan membaiki struktur soket tulang mata dan bahagian muka, iaitu teknologi pertama seumpamanya di negara ini.

Pembedahan mengguna bahan implan 'Polyetheretherketone' (PEEK) itu yang pertama memabitkan implan orbit spesifik-pesakit bakal membuka peluang kepada mangsa kecederaan berimpak tinggi dan kemalangan parah, memperoleh wajah asal mereka.

Ambil masa cepat

Pakar Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial Hospital Canselor Tuanku Muhriz Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTMPPUKM), Dr Mohd Nazimi Abd Jabar, berkata pembedahan menggunakan kaedah terbaharu itu dijalankan selama dua jam 30 minit dikendalikannya bersama tiga pakar lain iaitu Dr Rifqah Nordin, Dr Syed Nabil Syed Omar



Dr Mohd Nazimi bersama Dr Roszalina menunjukkan Polyetheretherketone (PEEK) yang digunakan untuk pembedahan tulang mata, di ibu negara, semalam. [FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ/BH]

dan Pakar Oftalmologi, Dr Amin Ahem.

"Kita sudah jalankan satu pembedahan memabitkan seorang mekanik pada Februari 2014 yang mengalami kecederaan 80 peratus pada bahagian muka akibat kemalangan.

"Selepas dua tahun, pembedahan dan rawatan susulan men-

dapati bola mata kanan pesakit selaras dengan mata kiri dan hampir pulih sekitar 90 peratus seperti sedia kala tanpa sebarang komplikasi besar," katanya pada sidang media mengumumkan kejayaan pakar merintis pembedahan tulang orbit pertama dalam negara, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Jabatan

Bedah Mulut dan Maksilofasial HCTMPPUKM, Prof Dr Roszalina Ramli.

Teknologi dari Switzerland yang baru diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2013 itu, mendapat pengiktirafan peringkat antarabangsa menerusi penerbitan *Journal of Oral and Maxillofacial Surgery, Medicine and Pathology*

bertajuk *Use of Polyetheretherketone (PEEK) in Orbital Floor Fracture Reconstruction- A Case for Concern* pada 28 November lalu.

9 pembedahan

Hingga kini, HCTMPPUKM mengendalikan sekurang-kurangnya sembilan kes menggunakan teknik pembedahan berkenaan bergantung kepada dana berikutan kos menggunakan kaedah itu mahal.

Menurut Dr Mohd Nazimi, pembedahan menggunakan kaedah itu lebih menjimatkan masa berbanding pembedahan kaedah lama yang memakan masa sehingga tujuh jam namun ia memerlukan kos kira-kira RM30,000.

"Setengah kes memerlukan lebih daripada satu pembedahan di mana pembedahan sekunder lebih kompleks dan memerlukan analisis kecederaan, teknologi cetakan tiga dimensi dan proses perancangan pembedahan seperti model biomedikal.

"Untuk pembedahan ini, kami menggunakan CT-Scan (imbasan tomografi berkomputer) untuk memastikan data kecederaan pesakit dan dianalisis sebelum pembedahan membaiki tisu tulang rosak," katanya.

Untuk komen,
hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my
atau di laman Facebook
BH Online